

Kaunseling berteras fiqh pulih jiwa pengamal seks songsang



Oleh Dr Mohd Ammyrul Ashraf Sairan
bhagama@bh.com.my

Berbicara mengenai orientasi seksual dan fenomena homoseksual dalam masyarakat hari ini memerlukan kebijaksanaan, ketelitian ilmu serta keseimbangan antara fakta sains, realiti sosial dan panduan agama.

Isu sebegini sering diselubungi emosi, prasangka dan maklumat tidak tepat sehingga menimbulkan kekeliruan awam.

Dari sudut sains perubatan dan psikologi, homoseksual merujuk kepada orientasi seksual, iaitu merujuk kepada emosi, perasaan dan seksual seseorang terhadap individu sama jantina.

Konsensus dunia, termasuk Persatuan Psikiatrik Amerika (APA) dan garis panduan Kementerian Kesihatan (KKM) menegaskan homoseksual bukan gangguan mental atau penyakit jiwa.

Meletakkan homoseksual sebagai golongan penyakit mental yang pernah wujud suatu ketika dahulu lebih berpunca daripada batasan metodologi kajian awal serta pengaruh nilai pada zaman itu.

Pembetulan ini penting kerana stigma terhasil menyebabkan diskriminasi, tekanan psikologi dan pengasingan sosial terhadap individu terbabit.

Namun, perlu difahami ketiadaan pengiktirafan sebagai penyakit mental tidak bermaksud sains menemui jawapan muktamad punca orientasi seksual.

Kajian selama lebih 50 tahun menunjukkan orientasi seksual adalah fenomena kompleks. Faktor biologi, perkembangan psikologi, persekitaran awal kehidupan serta budaya sekeliling didapati saling berhubungan, namun tiada faktor dapat memberi jawapan mutlak.

Malah, orientasi heteroseksual dianggap 'normal' dalam masyarakat juga tidak dapat diuraikan secara saintifik dengan jawapan tunggal tuntas.

Hal ini menunjukkan isu orientasi seksual bukan sesuatu yang mudah dan tidak wajar diredakan dengan kesimpulan tergesa-gesa.

Pada masa sama, timbul dakwaan dalam masyarakat tekanan hidup, tekanan kerja atau stres emosi boleh mengubah fitrah tarikan seksual seseorang dari perspektif perubatan, dakwaan ini tidak disokong bukti klinikal.

Stres sememangnya memberi kesan besar kepada sistem mental, termasuk kemurungan, keresahan dan gangguan fungsi seksual seperti hilang nafsu.

Namun, mekanisme biologi stres melalui hormon kortisol dan adrenalin tidak pernah dibuktikan mampu mengubah fitrah tarikan seksual seseorang daripada satu jantina kepada jantina lain.

Kekeliruan sering berlaku apabila jantina dan masalah mental dialami sebahagian individu homoseksual dianggap sebagai punca, sedangkan kajian menunjukkan tekanan itu lebih kerap menjadi kesan akibat stigma, diskriminasi dan penolakan sosial.

Di sinilah pentingnya membezakan antara orientasi seksual dan tingkah laku. Sesetengah kajian sosial, termasuk yang dirujuk tokoh politik dan pengkaji tempatan, mendapati pembabitatan individu dalam komuniti lesbian, gay, biseksual dan transeksual (LGBT) dipengaruhi pelbagai faktor seperti pengaruh rakan sebaya, pengalaman peribadi, tekanan pekerjaan dan latar sosial.

Namun, dapatan ini lebih tepat difahami sebagai faktor mempengaruhi pembabitatan sosial atau gaya

hidup, bukan bukti saintifik orientasi seksual boleh 'dibentuk' atau 'diubah' secara langsung oleh tekanan luaran.

Bezakan antara lintasan hati, amalan zahir

Perbezaan ini amat penting supaya masyarakat tidak terjebak dalam naratif menyalahkan mangsa atau menyebarkan mitos perubatan.

Islam melihat manusia sebagai makhluk diciptakan dengan fitrah, iaitu kecenderungan semula jadi untuk mengenal Tuhan dan hidup dalam kerangka nilai ditetapkan-Nya.

Dalam al-Quran, Allah menegaskan manusia diciptakan sebaik-baik kejadian, pada masa sama, diciptakan dengan tanggungjawab moral. Ilmuwan seperti Imam Ghazali menjelaskan dorongan dan kecenderungan dalam diri manusia tidak semuanya berdosha, tetapi yang dipertanggungjawabkan ialah pilihan dan perbuatan.

Prinsip ini selari dengan kaedah fiqh membezakan antara lintasan hati dan amalan zahir.

Dalam konteks ini, Islam secara jelas menolak perlawanan homoseksual sebagai satu perbuatan bercanggah dengan syariat, seperti mana dirakamkan dalam kisah kaum Nabi Lut.

Namun, penolakan terhadap perbuatan tidak boleh disamakan dengan keharusan menzalimi, menghina atau menafikan maruah insan. Sheikh Yusuf

al-Qaradawi menegaskan pendekatan Islam dalam menangani maksiat mestilah berasaskan dakwah, nasihat dan pembinaan jiwa, bukan ceriaan dan kebencian. Islam tidak menafikan realiti kewujudan kecenderungan, tetapi mengajak manusia menguruskan dorongan terbabit dalam kerangka keataatan dan pengawalan diri.

Penyelesaian Islam terhadap isu ini tidak bersifat simplistik atau mengutamakan semata-mata. Ia bermula dengan pengukuhan akidah, pemahaman tujuan hidup dan penghayatan konsep hamba serta khalifah.

Pendidikan agama berterusan, sokongan keluarga dan persekitaran sihat amat ditekankan Islam kerana jiwa manusia dibentuk melalui tarbiah dan hubungannya sosial seimbang.

Pada masa sama, Islam mengiktiraf keperluan rawatan psikologi dan kaunseling profesional bagi individu bergelut dengan kekeliruan identiti, trauma masa lalu atau tekanan emosi.

Usaha mendapatkan bantuan bukan tanda kelemahan iman, sebaliknya satu bentuk ikhtiar dituntut agama.

Pendekatan dakwah berhikmah juga menuntut masyarakat tidak menjadikan isu orientasi seksual sebagai alat politik atau sensasi media. Penekanan melampau terhadap aspek menghukum tanpa menyediakan jalan pemulihan hanya akan menjarakkan individu daripada agama dan masyarakat.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah pernah menyatakan syariat Islam seluruhnya beraskan hikmah dan kemaslahatan. Apa-apa pendekatan membawa kepada kerosakan jiwa dan sosial, walaupun atas nama agama, perlu dinilai semula dengan teliti.

Akhirnya, isu orientasi seksual menuntut kematangan kolektif masyarakat. Sains mengajar kita tidak menyebarkan maklumat tidak berasas dan menghormati data empirikal.

Islam mula mengajar kita berpegang pada prinsip kebenaran, rahmah dan keadilan. Menggabungkan kedua-duanya, masyarakat wajar mengelakkan stigma, memperkukuh institusi keluarga, meningkatkan literasi kesihatan mental dan menghidupkan budaya nasihat yang beradab.

Dalam suasana ini, individu bergelut dengan persoalan diri tidak berisara dengan, manakala nilai agama terus dipelihara teras dan menghidupkan budaya nasihat yang beradab.

“Penyelesaian Islam terhadap isu ini tidak bersifat simplistik atau menghukum semata-mata. Ia bermula dengan pengukuhan akidah, pemahaman tujuan hidup dan penghayatan konsep hamba serta khalifah”



Pembabitatan individu dalam komuniti LGBT dipengaruhi pelbagai faktor.

(Foto hiasan)